

٢٣- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِعَمِّهِ قُلْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ أَشْهَدُ لَكَ بِهَا يَوْمَ الْقِيَامَةِ قَالَ لَوْلَا أَنْ تُعَيِّرَنِي قُرَيْشٌ يَقُولُونَ إِنَّمَا حَمَلَهُ عَلَى ذَلِكَ الْجَزَعُ لَأَقْرَرْتُ بِهَا عَيْنَكَ فَأَنْزَلَ اللَّهُ {إِنَّكَ لَا تَهْدِي مَنْ أَحْبَبْتَ وَلَكِنَّ اللَّهَ يَهْدِي مَنْ يَشَاءُ}.

23- Abu Hurairah meriwayatkan, katanya: Rasulullah s.a.w. berkata kepada paksiknya (Abu Thalib): “Ucapkanlah لا إله إلا الله yang boleh kujadikan sebagai dasar persaksianku untukmu pada hari kiamat (nanti).” Abu Thalib berkata: “Kalau bukan kerana aku takut orang-orang Quraisy akan mencela daku dengan berkata: “Yang mendorongnya mengucap itu hanyalah kegelisahan hampir mati, niscaya aku menggembirakanmu dengannya (kuturut apa yang engkau kata).”¹⁰³ Lalu Allah menurunkan ayat: إِنَّكَ لَا تَهْدِي مَنْ أَحْبَبْتَ وَلَكِنَّ اللَّهَ يَهْدِي مَنْ يَشَاءُ (Sesungguhnya engkau tidak boleh memberi pertunjuk kepada orang yang engkau kasihi, tetapi Allah jua yang memberi pertunjuk kepada sesiapa yang Dia kehendaki).¹⁰⁴

بَابُ الدَّلِيلِ عَلَى أَنَّ مَنْ مَاتَ عَلَى التَّوْحِيدِ دَخَلَ الْجَنَّةَ قَطْعًا

*Bab Bukti Tentang Orang Yang Mati Di atas Tauhid Itu Pasti Masuk Syurga.*¹⁰⁵

malaikat yang hampir dengan Allah. (7) Keharusan beristighfar untuk orang-orang Islam sama ada yang masih hidup atau yang telah mati. Sama ada ia keluarga atau bukan keluarga. (8) Yang menentukan keselamatan seseorang di akhirat nanti ialah 'aqidah yang sahih. (9) Iman, Islam dan syahadah seseorang yang hampir mati diterima Allah selagi ia tidak berada dalam keadaan naza'. (10) Hadits 22 ini menunjukkan datuk Nabi s.a.w. 'Abdul Mutthalib juga merupakan seorang musyrik seperti Abu Thalib. Beliau juga meninggal dunia dalam kekufuran. **Selain Muslim hadits ini** diriwayatkan juga oleh Bukhari, Ahmad dan Nasaa'i.

¹⁰³ Jadi antara perkara yang menyebabkan Abu Thalib enggan bersyahadah dan memeluk agama Islam berdasarkan hadits ini ialah dia takut akan dicela oleh orang-orang Quraisy.

¹⁰⁴ Selain Muslim, Ahmad, Tirmizi dan Abu Ya'la juga ada meriwayatkan hadits ini di dalam kitab mereka masing-masing. Hadits ini dikemukakan sebagai syahid oleh Muslim bagi hadits Musaiyyab yang tersebut sebelumnya.

¹⁰⁵ Beginilah tajuk bab yang dibuat an-Nawawi dan as-Sanusi. Tajuk yang dibuat Al-Ubbi di sini ialah: باب أحاديث من مات وهو يعلم أن لا إله إلا الله دخل الجنة (Bab Hadits-Hadits Tentang Orang Yang Mati Dalam Keadaan Dia Sedar Dan Yakin Bahawa Tiada Tuhan Yang Lain Melainkan Allah Pasti Masuk Syurga). Menurut al-Itsyubi, di dalam sesetengah nuskah Sahih Muslim tajuk bab di sini adalah begini: باب من لقي الله بالإيمان وهو غير شك فيه دخل الجنة وحرم على النار (Bab Orang Yang

٢٤ - عَنْ عُثْمَانَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ مَاتَ وَهُوَ يَعْلَمُ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ دَخَلَ الْجَنَّةَ

24 - 'Utsman meriwayatkan, katanya: Rasulullah s.a.w. bersabda: "Sesiapa yang mati dalam keadaan dia sedar¹⁰⁶ (dan yakin) bahawa tiada tuhan melainkan Allah, dia akan masuk syurga."¹⁰⁷

Meninggal Dunia Dalam Keimanan Dan Ia Tidak Ragu-Ragu, Ia Pasti Masuk Syurga Dan Diharamkan Dia Kepada Neraka). Al-Qurthubi membuat tajuk bab begini di sini: باب من لقي الله تعالى عالما به دخل الجنة (Bab Orang Yang Meninggal Dunia Dalam Keadaan Percaya Kepada Allah Pasti Masuk Syurga). Sementara al-Itsyubi membuat tajuk bab yang agak panjang di sini. Namun permulaannya sama saja dengan tajuk bab yang dibuat Al-Qurthubi. Begini adanya: باب من لقي الله تعالى عالما به غير شك فيه دخل الجنة أولا إن كان بريئا من الكبائر أو عملها وتاب عنها أو أدركه العفو أو بعد عقوبته عليها إن لم يتب عنها ولم يدركه العفو من الله تعالى وحرمه الله على النار.

¹⁰⁶ Hadith ini menjadi pegangan orang-orang yang mengatakan sesiapa yang mati walaupun tidak sempat mengucap dua kalimah syahadah, tetapi dia sedar, yakin dan mengakui kandungan dua kalimah syahadah, sudah memadai untuk dia masuk syurga. Para 'ulama' Ahli as-Sunnah wa al-Jama'ah pula berkata, itu tidak memadai kecuali kepada orang bisu atau orang yang tidak sempat mengucap dua kalimah syahadah kerana tiba-tiba mati misalnya. Ini kerana dalam versi yang lain hadits ini berbunyi: ما من عبد قال لا إله إلا الله ثم مات على ذلك إلا دخل الجنة. Bermaksud: "Tiada seorang pun hamba (manusia) yang mengucapkan لا إله إلا الله, kemudian ia mati atas ucapan itu melainkan pasti ia masuk syurga. (Hadits riwayat Bukhari dan Muslim). Bermaksud: من قال لا إله إلا الله دخل الجنة. Bermaksud: "Sesiapa yang mengucapkan لا إله إلا الله, dia akan masuk syurga." (Hadits riwayat Abu Daud at-Thayaalisi). Para 'ulama' khilaf tentang masuk syurga ataupun tidak orang yang mengucap dua kalimah syahadah tetapi melakukan ma'shiat: (1) Golongan Murji'ah mengatakan, maksiat itu tidak memberi apa-apa kesan kepada pelakunya. Pelaku ma'shiat akan terus masuk syurga tanpa dikenakan apa-apa balasan pun asalkan dia beriman. (2) Golongan Khawarij mengatakan, ma'shiatnya itu akan memudharat dan membuatkan pelakunya menjadi kafir dan kekal di dalam neraka. (3) Golongan Mu'tazilah pula mengatakan pelaku dosa besar tidak mu'min dan tidak juga kafir. Ia juga akan kekal di dalam neraka. (4) Asyaa'irah (Ahlu as-Sunnah wa al-Jama'ah) pula mengatakan, orang yang mengucap dua kalimah syahadah adalah mu'min. Andaikata ia tidak diampuni Allah lalu diseksa di dalam neraka kerana ma'shiatnya, tetap juga ia akan keluar dari neraka dan akan masuk syurga. Hadith ini juga menjadi hujjah yang menentang golongan Khawarij dan Mu'tazilah yang mengatakan, orang yang melakukan ma'shiat akan kekal di dalam neraka.

¹⁰⁷ Maksud masuk syurga di sini ialah sama ada masuk syurga terus jika ia bebas daripada dosa-dosa besar atau ia telah bertaubat daripada dosa-dosanya itu dan Allah mengampunkannya. Boleh jadi juga maksudnya ialah masuk syurga setelah menerima hukuman Allah di akhirat kerana telah melakukan dosa-dosa besar semasa di dunia dahulu. Terdapat agak banyak hadits-hadits yang lebih kurang sama ma'nanya dengan hadits ini. Antaranya ialah hadits-hadits berikut: (1) Di dalam salah satu hadits Mu'aaz begini lafaznya: من كان آخر كلامه لا إله إلا الله دخل الجنة. Bermaksud: Sesiapa yang ucapan terakhirnya adalah لا إله إلا الله dia (akan) masuk syurga. (2) Di dalam satu riwayat yang lain juga daripada beliau begini lafaznya: من لقي الله لا يشرك به شيئا دخل الجنة. Bermaksud: Sesiapa yang menemui Allah dalam keadaan dia tidak menyengutuiNya dengan sesuatu, dia akan masuk syurga. (3) Di dalam satu riwayat yang lain pula, juga daripada beliau begini lafaznya: من لقيه يشهد أن لا إله إلا الله وأن محمدا رسول الله صدقا من قلبه حرمه الله تعالى على النار. Bermaksud: Sesiapa yang menemuiNya dalam keadaan ia bersaksi bahawa tiada tuhan yang lain melainkan Allah dan bahawa Muhammad adalah pesuruh Allah benar-benar dari hatinya, niscaya Allah

٢٥- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَوْ عَنْ أَبِي سَعِيدٍ شَكَ الْأَعْمَشُ قَالَ لَمَّا كَانَ غَزْوُهُ تَبَوَّكَ أَصَابَتِ النَّاسَ مَجَاعَةٌ قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ لَوْ أَذْنَتْ لَنَا فَتَحَرْنَا نَوَاصِحَنَا فَأَكَلْنَا وَادَّهَنَّا فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ افْعَلُوا قَالَ فَجَاءَ عُمَرُ فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنْ فَعَلْتُ قُلَّ الظَّهْرُ وَلَكِنْ ادْعُهُمْ بِفَضْلِ أَرْوَاحِهِمْ ثُمَّ ادْعُ اللَّهُ هُمْ عَلَيْهَا بِالْبَرَكَةِ لَعَلَّ اللَّهَ أَنْ يَجْعَلَ فِي ذَلِكَ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَعَمْ قَالَ فَدَعَا يَنْطَعٍ فَبَسَطَهُ ثُمَّ دَعَا بِفَضْلِ أَرْوَاحِهِمْ قَالَ فَجَعَلَ الرَّجُلُ يَجِيءُ بِكَفٍّ ذُرَّةٍ قَالَ وَيَجِيءُ الْآخَرُ بِكَفٍّ ثُمَّ قَالَ وَيَجِيءُ الْآخَرُ بِكَسْرَةٍ حَتَّى اجْتَمَعَ عَلَى النَّطْعِ مِنْ ذَلِكَ شَيْءٌ يَسِيرٌ قَالَ فَدَعَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَيْهِ بِالْبَرَكَةِ ثُمَّ قَالَ خُذُوا فِي أَوْعِيَّتِكُمْ قَالَ فَأَخَذُوا فِي أَوْعِيَّتِهِمْ حَتَّى مَا تَرَكُوا فِي الْعُسْكَرِ وَغَاءَ إِلَّا مَلَفُوهُ قَالَ فَأَكَلُوا حَتَّى شَبِعُوا وَفَضَلَتْ فَضْلَةً فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّي رَسُولُ اللَّهِ لَا يَلْقَى اللَّهُ بِهَمَا عَبْدٌ غَيْرَ شَاكٍّ فَيُحْجَبَ عَنْ الْجَنَّةِ

mengharamkannya kepada neraka. Hadits ini lebih kurang sama ma'nanya dengan hadits 'Ubaadah bin as-Shaamit dan hadits 'Itbaan. (4) Di dalam hadits Abu Hurairah tersebut: لا يلقى الله لا يلقى الله Bermaksud: Tidak bertemu seseorang hamba dengan Allah dalam keadaan ia membawa dua ucapan itu (dua kalimah syahadah) tanpa rasa ragu-ragu melainkan ia (pasti akan) masuk syurga. (5) Di dalam riwayat beliau yang lain tersebut: لا يحجب عن الجنة Bermaksud: dia tidak akan terdinding daripada syurga. (6) Di dalam hadits abu Zarr dan Abu ad-Dardaa' pula tersebut: ما من عبد قال لا إله إلا الله ثم مات على ذلك إلا دخل الجنة Bermaksud: "Tiada seorang pun hamba yang mengucapkan لا إله إلا الله, kemudian ia mati atas ucapan itu, melainkan pasti ia masuk syurga." Kata al-Maziri, oleh kerana terdapat sekian banyak nas-nas yang terang tentang adanya segolongan manusia yang akan diseksa Allah kerana dosa-dosa yang dilakukan mereka, sedangkan ada pula hadits-hadits seperti di atas yang zahirnya menampakkan mereka akan masuk syurga semata-mata kerana yakin dengan dua kalimah syahadah yang diucapkan, maka para 'ulama' Ahli as-sunnah menta'wilkannya supaya nas-nas itu tidak bertentangan di antara satu dengan yang lain. Ibnu as-Shalah misalnya menta'wilkannya dengan berkata, mungkin juga perawi (tertentu) yang menggugurkan selain daripada dua kalimah syahadah di dalam hadits-hadits itu. Ia bukan disabdakan oleh Rasulullah dengan ringkas begitu pada asalnya. Sa'id bin al-Musaiyyab pula menta'wilkan hadits-hadits itu dengan zaman sebelum diturunkan fardhu-fardhu atau tanggungjawab-tanggungjawab agama yang lain. Adapun selepas ia diturunkan, maka keadaan orang-orang yang melakukan ma'shiat itu terpulang kepada kehendak (مشيئة) Allah. Hasan al-Bashri memakai hadits-hadits di atas untuk orang-orang yang mati dalam keadaan tidak melakukan apa-apa ma'shiat. Imam Bukhari pula berpendapat hadits-hadits itu untuk orang-orang yang mati dalam keadaan telah bertaubat. **Di antara pengarang-pengarang enam** kitab hadits utama (الأمهات الست), Imam Muslim sahaja meriwayatkan hadits ini. Selain beliau imam Ahmad dan Abu 'Awaanah juga ada meriwayatkannya.

25- Abu Hurairah atau Abu Sa'id¹⁰⁸ meriwayatkan (di sini terdapat keraguan al-A'masy¹⁰⁹), katanya: "Ketika terjadi perang Tabuk¹¹⁰ pasukan Rasulullah telah mengalami kekurangan bahan makanan. Para sahabat pun berkata, wahai Rasulullah! Bagaimana kalau Tuan izinkan kami¹¹¹ menyembelih unta-unta pembawa barang-barang,¹¹² untuk kita makan dan kita manfa'atkan lemaknya.¹¹³ Jawab Rasulullah s.a.w.: "Lakukanlah!" Kata perawi (Abu Hurairah atau Abu Sa'id al-Khudri): Kemudian 'Umar datang, lalu beliau berkata: "Wahai Rasulullah! Kalau begitu kendaraan (kita) akan berkurang. Bagaimana kalau Tuan suruh mereka menghimpunkan sisa makanan mereka, kemudian Tuan berdoa kepada Allah agar memberkatinya untuk mereka, mungkin Allah akan memperkenankannya. Rasulullah s.a.w. pun berkata: "Baiklah". Baginda pun meminta sehelai tikar kulit lalu dihamparkannya, kemudian Baginda pun menyuruh sisa makanan dihimpunkan, ada yang datang membawa segenggam jagung, ada yang membawa segenggam kurma, ada yang membawa sisa roti, sehingga semua yang terkumpul itu kelihatan hanya amat sedikit di atas tikar itu. Rasulullah s.a.w. pun mendoakannya agar mendapat berkat. Kemudian Baginda pun bersabda: "Masukkanlah ia ke dalam bekas-bekas kamu." Kata perawi: Lalu mereka mengisi semua bekas-bekas mereka, sehingga tidak ada satu bekas pun yang ketinggalan melainkan semuanya terisi penuh. Perawi menyambung lagi (ceritanya), sesudah itu mereka makan bersama-sama sampai kenyang. Tetapi makanan itu masih lagi bersisa. Maka Rasulullah s.a.w. bersabda: "Aku bersaksi bahawa tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Allah dan bahawasanya aku ini pesuruh Allah. Tidak ada seorang pun manusia yang meninggal

¹⁰⁸ Yakni Abu Sa'id al-Khudri. Nama beliau ialah Sa'ad bin Sinaan bin Khudrah. Beliau dan bapanya adalah sahabat Nabi.

¹⁰⁹ Di sini al-A'masy kurang pasti tentang apa yang didengarinya daripada gurunya Abu Shalih; adakah dia menyebutkannya daripada Abu Hurairah atau Abu Sa'id, lalu kedua-duanya pun disebut kerana kemungkinan tersebut. Menurut Ibnu Shalah, keraguan al-A'masy di sini tidak menjejaskan hadits kerana beliau hanya ragu tentang sahabat yang meriwayatkannya, itu tidak menjadi masalah kerana sahabat itu kesemuanya adil.

¹¹⁰ Tabuk ialah sebuah tempat di Syam. Ia terletak paling hampir dengan bumi Hijaz.

¹¹¹ Kata-kata sebegini termasuk dalam adab bercakap dengan orang yang lebih tua atau lebih mulia daripada kita.

¹¹² Perbuatan sahabat Nabi meminta izin daripada Baginda s.a.w. di sini menunjukkan merekalah yang terlebih dahulu terfikir tentang 'penyelesaian' sebegini.

¹¹³ Untuk dijadikan minyak lampu atau sebagai lauk.

dengan meyakini kedua pengakuan itu tanpa ragu, akan terhalang daripada memasuki syurga.¹¹⁴

٢٦- وَعَنْ عُبَادَةَ بْنِ الصَّامِتِ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ قَالَ أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ وَأَنَّ عِيسَى عَبْدُ اللَّهِ وَابْنُ أُمِّهِ وَكَلِمَتُهُ أَلْفَاهَا إِلَى مَرْيَمَ وَرُوحٌ مِنْهُ وَأَنَّ الْجَنَّةَ حَقٌّ وَأَنَّ النَّارَ حَقٌّ أَدْخَلَهُ اللَّهُ مِنْ أَيِّ أَبْوَابِ الْجَنَّةِ الثَّمَانِيَةِ شَاءَ .

26- 'Ubaadah bin as-Shamit meriwayatkan, katanya: Rasulullah s.a.w. bersabda, "Sesiapa yang bersaksi¹¹⁵ bahawa tiada tuhan (yang berhak disembah) melainkan Allah yang maha esa,¹¹⁶ tiada sekutu bagiNya,¹¹⁷ dan bahawasanya Muhammad itu adalah hambaNya dan

¹¹⁴ **Antara kesimpulan yang dapat dipetik daripada hadits ini ialah:** (1) Sesiapa yang mati dengan mengakui dua kalimah syahadah, ia akan masuk syurga dan terlepas daripada neraka. Ini benar untuk orang yang mati dalam keadaan bebas daripada sebarang dosa besar, adapun orang yang terlibat dengan dosa-dosa besar dan mati dalam keadaan tidak bertaubat, nasibnya terserah kepada Allah. (2) Daripada kata-kata 'Umar di dalam hadits ini, bolehlah difahami bahawa harus memberikan cadangan dan nasihat kepada pemimpin, ketua atau pemerintah. Tidak salah mengemukakan cadangan yang berbeza daripada rancangan asal mereka sekiranya ia lebih baik atau rancangan asal itu mengandungi cacat celanya. Demikian juga mereka boleh dinasihati supaya menarik balik perintah yang telah dikeluarkan sekiranya ia tidak sesuai untuk dilaksanakan. (3) Hadits ini juga menunjukkan kelebihan Saidina 'Umar r.a. Beliau mempunyai gerak hati yang istimewa dan sudah dapat membaca kalau-kalau ada situasi yang Allah akan memberikan sebuah mu'jizat kepada NabiNya, inilah salah satu tempatnya. (4) Para tentera tidak boleh mengorbankan binatang tunggangan atau kenderaan yang mereka guna tanpa mendapat keizinan daripada ketua mereka terlebih dahulu. Ini kerana perbuatan seperti itu boleh melemahkan angkatan tentera. Ketua pasukan juga tidak boleh mengizinkan mereka berbuat begitu, melainkan jika dia merasakan memang perlu untuk mengelakkan masalah yang lebih serius. (5) Gotong-royong dan bantu-membantu dalam perkara kebaikan adalah amalan yang digalakkan oleh Islam. (6) Sesuatu usaha ke arah kebaikan tidak semestinya terlepas daripada segala kesusahan dan halangan. (7) Berdoa sahaja tidak seharusnya menjadi sarana untuk mendapatkan sesuatu. (8) Harus meminta orang-orang saleh atau orang-orang yang mempunyai kelebihan dalam agama supaya mereka berdoa untuk kita. (9) Sesuatu tindakan seharusnya diteliti dengan sebaik-baiknya agar ia tidak menjejaskan ketenteramanorang ramai. (10) Adab semasa bercakap dengan orang yang lebih tua atau lebih mulia daripada kita hendaklah dijaga. (11) Allah akan memberikan pertolongan kepada orang yang meminta tolong denganNya menurut hukum sebab-musabab yang telah diadakanNya. (12) Sekiranya seseorang yang berkelebihan itu tidak memberikan sebarang cadangan, tidak berma'na tiada apa yang perlu dicadangkan. (13) Tidak boleh terlalu mengharap ketua dalam segala perkara. (14) Keharusan menyatukan makanan yang ada pada setiap orang dalam sesuatu kumpulan, sama ada untuk memperbanyakkannya atau untuk saling merasai makanan kepunyaan orang lain. (15) Tidak mengapa berlebih kurang dalam memakan makanan yang disatukan dalam sesuatu kumpulan.

¹¹⁵ Di samping percaya dengan sepenuh hati.

¹¹⁶ baik pada zatNya atau pada segala sifatNya.

¹¹⁷ pada segala perbuatanNya.

pesuruhNya, dan bahawasanya 'Isa itu adalah hamba Allah dan anak hamba perempuanNya'¹¹⁸, juga kalimahNya'¹¹⁹ yang telah disampaikanNya kepada Maryam serta roh¹²⁰ daripadaNya, dan bahawasanya syurga dan neraka itu benar,¹²¹ Allah akan memasukkannya ke dalam syurga melalui mana-mana lapan pintu syurga yang dikehendakinya."¹²²

¹¹⁸ Iaitu Maryam binti 'Imraan. Menurut al-Ubbi, di sini disebutkan 'hamba Allah dan anak hamba perempuanNya' untuk menolak kepercayaan orang-orang Kristian yang beri'tiqad bahawa 'Isa a.s. adalah anak Allah dalam satu konsep yang dipanggil 'trinity'. Ia juga menolak kepercayaan orang-orang Yahudi yang tidak menerima 'Isa sebagai rasul Allah dan menuduh ibunya Maryam a.s. telah melakukan perbuatan sumbang (berzina). Al-Qurthubi pula berkata: "Tujuan hadits ini menyebutkan demikian ialah untuk mengingatkan (menarik perhatian) kepada kesilapan yang telah berlaku kepada orang-orang Kristian tentang 'Isa dan ibunya. Ia menegaskan bahawa 'Isa adalah hamba Allah, bukan tuhan dan bukan juga anak tuhan. Ibunya pula hamba (perempuan) Allah, bukan isteri Allah."

¹¹⁹ Nabi 'Isa a.s. digelar sebagai 'kalimahNya' kerana beliau diciptakan dengan kalimah 'kun' (jadilah!), bukannya dengan perantaraan bapa seperti manusia biasa. Mungkin juga dikatakan begitu kerana malaikat Jibril datang membawa berita gembira berupa kalimah tertentu kepada Maryam sebelum beliau mengandungkan 'Isa a.s.

¹²⁰ Menurut Qadhi 'Iyaadh, Nabi 'Isa a.s. digelar sebagai 'roh Allah' kerana kejadian beliau ialah dengan cara Jibra'il a.s. 'meniupkan' roh ke dalam baju ibunya dengan perintah daripada Allah s.w.t., lalu Allah mengaitkan beliau denganNya (sebagai memuliakannya). 'Tiupan' itu dinamakan 'roh' kerana angin itu keluarnya daripada roh (sesuatu yang bernyawa).

¹²¹ Mungkin sekali Nabi s.a.w. bersabda 'bahawasanya syurga dan neraka itu benar' dengan tujuan membebaskan manusia daripada kepercayaan golongan ateis dan orang-orang yang tidak percayakan hari kebangkitan semula manusia sesudah kiamat.

¹²² Ini adalah sebuah hadits yang amat istimewa, ia adalah hadits yang paling komprehensif atau ia termasuk di antara hadits-hadits yang paling komprehensif dan tuntas tentang 'aqidah. Rasulullah SAW telah menghimpunkan apa yang boleh mengeluarkan seseorang daripada sekalian agama kufur yang pelbagai rupa bentuknya. **Antara kesimpulan yang dapat dipetik daripada hadits ini ialah:** (1) Nabi 'Isa a.s. itu dijadikan tanpa bapa. (2) Nabi 'Isa a.s. bukan merupakan 'anak Allah' seperti da'waan orang-orang Kristian. (3) Maryam itu ialah hamba Allah, bukan isteriNya. (4) Inilah 'syahadah' yang perlu diajarkan kepada seorang Kristian yang ingin memeluk Islam. (5) Syurga itu mempunyai banyak pintu, masing-masing daripadanya mempunyai keistimewaannya yang tersendiri. Sesetengahnya hanya boleh dimasuki oleh orang-orang yang melakukan amalan yang tertentu sahaja. (6) Banyaknya pintu syurga yang boleh dimasuki oleh seseorang itu mengisyaratkan kepada dia dapat memasukinya dengan mudah dan bebas. (7) Allah s.w.t. berkuasa untuk menjadikan sesuatu tanpa mengikut hukum sebab-musabab. (8) Agama Kristian itu dahulunya benar, tapi ia telah menyeleweng dan agama Islam datang untuk memperbetulkan segala penyeleweng yang telah berlaku itu. (9) Adakalanya manusia tidak dapat menerima sesuatu perkara yang berlaku kerana kedangkalan akalunya. Mungkin juga mereka akan cuba 'memperbetulkannya' supaya ia boleh diterima oleh logik mereka dan sesuai pula dengan selera mereka. (10) Semua manusia adalah hamba Allah, termasuklah para Nabi dan para Rasul a.s. (11) Syurga dan neraka memang wujud. Kewujudannya adalah suatu yang benar. (12) Bilangan pintu syurga disebutkan di dlm hadits ini sebanyak lapan kesemuanya.

باب بيان حق الله سبحانه وتعالى على العباد وحقهم على الله تعالى بالتوحيد بالجنة وتركه خوفا من اتكاهم

على مجرد التوحيد

*Bab Menyatakan Hak Allah Atas Hamba Dan Hak Hamba Atas Allah. (Bab) Menggembirakan Orang Yang Meninggal Dunia Atas Tauhid Dengan Syurga Dan Tidak Memberitahu kepadanya Kerana Takut Ia Akan Berpada Dengan Tauhid Semata-Mata.*¹²³

٢٧- عَنْ مُعَاذِ بْنِ جَبَلٍ قَالَ كُنْتُ رَدَفَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى جِمَارٍ يُقَالُ لَهُ عُفَيْرٌ قَالَ فَقَالَ يَا مُعَاذُ تَدْرِي مَا حَقُّ اللَّهِ عَلَى الْعِبَادِ وَمَا حَقُّ الْعِبَادِ عَلَى اللَّهِ قَالَ قُلْتُ اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَعْلَمُ قَالَ فَإِنَّ حَقَّ اللَّهِ عَلَى الْعِبَادِ أَنْ يَعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا يُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا وَحَقُّ الْعِبَادِ عَلَى اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ أَنْ لَا يُعَذِّبَ مَنْ لَا يُشْرِكُ بِهِ شَيْئًا قَالَ قُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَفَلَا أُبَشِّرُ النَّاسَ قَالَ لَا تُبَشِّرُهُمْ فَيَتَكَلَّمُوا

27- Mu'aaz bin Jabal meriwayatkan, katanya: "Aku pernah membonceng Rasulullah s.a.w. menaiki seekor keledai yang bernama 'Ufair. Baginda bertanya: "Wahai Mu'aaz, tahukah engkau apakah hak Allah atas hamba¹²⁴ dan hak hamba atas Allah?"¹²⁵ Kata Mu'aaz, aku menjawab: "Allah dan RasulNya yang lebih mengetahui." Baginda s.a.w. bersabda: "Hak Allah atas hamba itu ialah mereka mengabdikan diri kepada Allah¹²⁶ tanpa menyekutukanNya dengan sesuatu. Hak hamba atas Allah s.w.t. pula ialah Dia tidak menyiksa (di hari akhirat nanti) orang yang tidak menyekutukanNya dengan apa-apa." Kata Mu'aaz (lagi): "Aku pun bertanya Rasulullah: "Bolehkah aku sampaikan

¹²³ Imam an-Nawawi dan as-Sanusi tidak mengadakan sebarang bab di sini. Al-Ubbi membuat bab begini di sini: باب حديث معاذ (Bab Hadits Mu'aaz). Al-Qurthubi pula membuat bab begini: باب حق الله تعالى على العباد (Bab Hak Allah Atas Hamba-Hambanya). Bab yang digunakan di atas adalah yang dibuat oleh al-Itsyubi.

¹²⁴ Apa yang telah diwajibkan oleh Allah ke atas hambaNya. Hak Allah atas hamba juga boleh bererti tanggungjawab hamba (manusia) terhadap Allah.

¹²⁵ Apa yang hamba berhak mendapatnya daripada Allah kerana mentaatinya. Ia juga boleh bererti jaminan Allah untuk hambanya.

¹²⁶ Dengan mengerjakan segala suruhanNya dan menjauhi segala laranganNya.